

# Usaha pulih hubungan Mahathir - Abdullah perlu cara senyap

MELAKA 2 Julai - Naib Presiden UMNO Datuk Seri Mohamed Ali Ruslam mahu usaha memulihkan hubungan antara bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dilakukan secara senyap-senyap dan bijaksana

Katanya, usaha menjernihkan keadaan itu tidak perlu diberi publisiti oleh pihak media bagi mengelakkan laporan yang kurang tepat.

"Semua ingin melihat ia selesai dengan baik. Kalau tak diberi publisiti lagi baik, kalau ada usahahendak dilakukan," katanya kepada pemberita selepas pelancaran sambutan Hari Kesihatan Sedunia oleh Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Mohd Khalil Yaakob di sini hari ini.

Mohamed Ali, yang juga Kctua Menteri Melaka, berkata semua pihak boleh memainkan peranan untuk menjernihkan keadaan dan semua orang berharap perkara itu dapat diselesaikan dengan baik agar pandangan yang diberi oleh kerajaan dapat difahami oleh Dr. Mahathir.

Beliau juga mengalu-alukan sekiranya ada pihak berusaha untuk menerangkannya secara bersemuka kepada Dr. Maha-

thir yang akhir-akhir ini lantang mengkritik kerajaan pimpinan Abdullah antaranya kerana tidak berpuas hati dengan beberapa keputusan kerajaan seperti membatalkan beberapa projek yang diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri itu.

Mohamed Ali berkata, beliau juga pernah menyuarakan pendapatnya kepada Abdullah ketika Perdana Menteri melawat Melaka pada 25 Jun lepas agar ada mana-mana pihak bersama-sama meredakan keadaan.

Sementara itu, beberapa pemimpin UMNO Melaka juga meminta pihak media tidak memperbesarkan berita berkaitan perkara itu bagi mengelakkan salah anggap rakyat tetapi sebaliknya menyerahkannya kepada kebijaksanaan pemimpin UMNO sendiri untuk menyelesaikannya secara baik.

Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Melaka, Ab Rahaman Ab Karim berkata, adalah wajar media tidak menjadikan isu tersebut sebagai berita utama

"UMNO terbuka dengan pelbagai kritikan dan pandangan, dan biar pemimpin UMNO 'sendiri menyelesaikannya," katanya kepada *Bernama* di sini.

Ketua UMNO Bahagian Jasin, Datuk Wira Ahmad Hamzah meminta pihak media lebih berhati-hati dan bertanggungjawab dalam laporan mereka dengan tidak memperbesarkan perkara tersebut.

"Apa cara sekalipun, carilah formula terbaik untuk menyelesaikan salah faham yang berlaku dengan bijaksana tanpa menyentuh perasaan mana-mana pihak," kata beliau.

Ketua UMNO Bahagian Alor Gajah, Datuk Hamdin Abdollah meminta pihak media memainkan peranan menenangkan keadaan sekarang supaya kemelut yang berlaku ini tidak bertambah rumit dan tidak menghilangkan keyakinan orang ramai khususnya orang UMNO kepada majlis-majlis pihak.

Setiausaha UMNO Bahagian Bukit Katil, Yunos Husin juga bersetuju supaya pihak media 'tidak membuat sesuatu yang boleh mengeruhkan lagi suasana'.

Beliau berkata, apa yang berlaku itu jika dibesarkan akan menjadikan politik negara ini tidak stabil termasuk menyebabkan para pelabur tidak senang untuk melabur di negara ini.